

Pengaruh Pengetahuan Pedagogi terhadap Penyampaian Pengajaran Kreatif: Kajian Empirikal dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

*Jahidih Saili^{1,2}, Muhamad Suhaimi Taat² & Nurul Hamimi Awang Japilan³

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

²Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Malaysia

³SMK Pekan Telipok, Tuaran, Malaysia

*Corresponding author: jahidihsaili@uitm.edu.my

To cite this article (APA): Saili, J. ., Taat, M. S., & Awang Japilan, N. H. . (2025). Pengaruh Pengetahuan Pedagogi terhadap Penyampaian Pengajaran Kreatif: Kajian Empirikal dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 15(1), 11-19. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol15.1.2.2025>

Received: 20 September 2024; **Revised:** 12 February 2025; **Accepted:** 19 May 2025; **Published:** 29 May 2025

Abstrak

Pengetahuan pedagogi memainkan peranan penting dalam pengajaran Pendidikan Islam, namun pengaruhnya terhadap kreativiti pengajaran masih kurang dikaji secara empirikal. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi dan penyampaian pengajaran kreatif, serta menentukan pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan keratan rentas digunakan melibatkan 266 guru Pendidikan Islam sekolah menengah di negeri Sabah yang dipilih melalui pensampelan rawak berstrata. Data dikumpul menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan pedagogi dan penyampaian pengajaran kreatif adalah tinggi. Analisis regresi mendedahkan pengaruh signifikan pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dengan strategi pengajaran dan kemahiran penilaian murid menunjukkan impak terkuat. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan dalam konteks Pendidikan Islam dan menyediakan implikasi penting untuk reka bentuk program latihan guru yang menekankan peningkatan pengetahuan pedagogi bagi merangsang kreativiti pengajaran.

Kata kunci: Pengetahuan pedagogi, pengajaran kreatif, Pendidikan Islam, guru sekolah menengah, Model PTPK

Abstract

Pedagogical knowledge plays a crucial role in Islamic Education teaching, yet its influence on teaching creativity remains understudied empirically in Malaysia. This study aimed to identify the levels of pedagogical knowledge and creative teaching delivery, as well as determine the influence of pedagogical knowledge on creative teaching delivery among Islamic Education teachers. A quantitative design with a cross-sectional survey approach was employed, involving 266 Islamic Education teachers from secondary schools in Sabah, selected through stratified random sampling. Data were collected using questionnaires and analyzed using descriptive statistics and multiple regression. Findings revealed high levels of pedagogical knowledge and creative teaching delivery among respondents. Regression analysis uncovered a significant influence of pedagogical knowledge on creative teaching delivery ($R^2 = .465$, $p < .001$), with teaching strategies and student assessment skills showing the strongest impact. This study contributes to the expansion of the Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) Model in the context of Islamic Education and provides important implications for designing teacher training programs that emphasize enhancing pedagogical knowledge to stimulate teaching creativity.

Keywords: Pedagogical knowledge, creative teaching, Islamic Education, secondary school teachers, TPACK Model

Pengenalan

Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan nilai murni generasi muda di Malaysia. Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi yang pesat, cabaran untuk menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam secara berkesan semakin meningkat. Menurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020), guru Pendidikan Islam perlu menguasai pelbagai kemahiran pedagogi untuk memastikan keberkesanan pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, kajian oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi et al. (2020) mendapati bahawa sebilangan guru Pendidikan Islam masih menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif. Hal ini berkait rapat dengan tahap pengetahuan pedagogi mereka. Fatin Nur Fatimah Ishak dan Mohd Isa Hamzah (2019) menegaskan bahawa pengetahuan pedagogi yang mantap adalah asas kepada penyampaian pengajaran yang kreatif dan berkesan. Selari dengan pandangan ini, Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019) menjelaskan bahawa pengetahuan pedagogi bukan sahaja meliputi pemahaman tentang kaedah pengajaran, tetapi juga keupayaan untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut keperluan dan tahap kefahaman murid. Dalam konteks Pendidikan Islam, Nur Adibah Liyana Awi (2021) menekankan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang bermakna dan relevan dengan kehidupan murid.

Walaupun kepentingan pengetahuan pedagogi dalam meningkatkan kualiti pengajaran telah diakui secara meluas, masih terdapat jurang yang ketara dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia. Kajian oleh Nur Hanani Hussin dan Abdul Halim Tamuri (2017) mendedahkan bahawa sebilangan guru Pendidikan Islam masih bergantung pada kaedah pengajaran tradisional yang kurang melibatkan penyertaan aktif murid. Keadaan ini memberi kesan negatif terhadap minat dan motivasi murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Nurul Eeffah (2016) pula melaporkan bahawa kekurangan kreativiti dalam penyampaian pengajaran Pendidikan Islam telah menyebabkan murid sukar untuk mengaitkan konsep yang dipelajari dengan realiti kehidupan seharian mereka. Masalah ini dirumitkan lagi oleh dapatan kajian Mohammad Rusdi Ab Majid Ab Majid dan Zawawi (2017) yang menunjukkan bahawa sebahagian guru Pendidikan Islam kurang mahir dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran mereka, satu aspek penting dalam pedagogi moden. Selain itu, Noraziah Mhd Yusop et al. (2019) mendapati bahawa guru Pendidikan Islam sering menghadapi kesukaran dalam menangani kepelbagaian tahap kefahaman murid dalam satu kelas, menggambarkan kelemahan dalam aspek pengetahuan pedagogi. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) turut menyoroti isu kekurangan latihan yang berkesan dalam meningkatkan pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam, terutamanya dalam konteks pendidikan abad ke-21.

Kajian ini memberi sumbangan penting dalam memahami pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia. Dapatan kajian ini berpotensi untuk memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan profesional guru Pendidikan Islam. Menurut Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019), pemahaman yang mendalam tentang pengetahuan pedagogi guru adalah penting dalam mereka bentuk program latihan yang lebih berkesan. Hal ini disokong oleh Nur Adibah Liyana Awi (2021) yang menekankan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam aspek praktikal, dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pembuat dasar dan pentadbir pendidikan untuk merangka strategi yang lebih tepat dalam meningkatkan kompetensi pedagogi guru Pendidikan Islam. Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi et al. (2020) menegaskan bahawa peningkatan dalam pengetahuan pedagogi guru akan memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik dan pembangunan sahsiah murid. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada literatur akademik dengan menyediakan data empirikal tentang hubungan antara pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia, satu aspek yang masih kurang dikaji seperti yang diperhatikan oleh Noor Muslieah Mustafa Kamal et al. (2022). Akhir sekali, dapatan kajian ini berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan model pedagogi yang lebih komprehensif dan sesuai dengan keperluan Pendidikan Islam dalam era digital, seperti yang disarankan oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020).

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam di negeri Sabah.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi dan penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sabah.
- ii. Menentukan pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam.

Persoalan kajian

- i. Apakah tahap pengetahuan pedagogi dan penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia?
- ii. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam?

Hipotesis kajian

- H₀₁** Tidak terdapat pengaruh yang signifikan tahap pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam di Malaysia.

Sorotan Literatur

Pengetahuan pedagogi dalam konteks Pendidikan Islam merangkumi kefahaman mendalam tentang kaedah dan strategi pengajaran yang berkesan untuk menyampaikan ilmu dan nilai-nilai Islam kepada murid. Menurut Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019), pengetahuan pedagogi bukan sekadar teknik mengajar, tetapi melibatkan keupayaan guru untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan keperluan dan tahap kefahaman murid yang pelbagai. Dalam konteks Pendidikan Islam, Nur Adibah Liyana Awi (2021) menekankan bahawa pengetahuan pedagogi perlu mengambil kira aspek spiritual dan pembentukan akhlak, selain daripada penyampaian ilmu. Hal ini disokong oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi et al. (2020) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam yang memiliki pengetahuan pedagogi yang mantap lebih berkemampuan untuk mengintegrasikan elemen tauhid dan akhlak dalam pengajaran mereka. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) pula menegaskan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam membantu guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21, termasuk pengintegrasian teknologi dalam pengajaran. Mardziah Abdullah et al. (2021) menambah bahawa pengetahuan pedagogi dalam Pendidikan Islam perlu merangkumi kefahaman tentang psikologi pembelajaran murid dan kaedah penilaian yang holistik. Kesemua aspek ini membentuk asas penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam yang bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk sahsiah murid secara menyeluruh.

Penyampaian pengajaran kreatif dalam Pendidikan Islam merujuk kepada pendekatan inovatif yang digunakan oleh guru untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, bermakna, dan berkesan. Menurut Fatin Nur Fatimah Ishak dan Mohd Isa Hamzah (2019), pengajaran kreatif dalam Pendidikan Islam melibatkan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik yang dapat merangsang pemikiran kritis dan imaginasi murid, sambil mengekalkan integriti ajaran Islam. Halida Jawan dan Zamri Mahamod (2021) mendapati bahawa guru yang mengamalkan pengajaran kreatif lebih berupaya untuk mengaitkan konsep Islam dengan realiti kehidupan seharian murid, menjadikan pembelajaran lebih relevan dan bermakna. Dalam kajian mereka, Noraziah Mhd Yusop et al. (2019) menekankan kepentingan penggunaan teknologi dan multimedia dalam menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam secara kreatif, terutamanya dalam menarik minat generasi digital. Mohammad Rusdi Ab Majid Ab Majid dan Zawawi (2017) pula mencadangkan penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan penyelesaian masalah dalam Pendidikan Islam untuk meningkatkan penglibatan aktif murid. Walau bagaimanapun, Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019) mengingatkan bahawa kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam perlu seimbang dengan prinsip dan nilai Islam, memastikan inovasi pedagogi tidak mengorbankan kesucian ajaran agama. Kesemua aspek ini menunjukkan bahawa penyampaian pengajaran kreatif dalam Pendidikan Islam adalah satu pendekatan holistik yang memerlukan keseimbangan antara inovasi pedagogi dan keteguhan prinsip Islam.

Hubungan antara pengetahuan pedagogi dan penyampaian pengajaran kreatif dalam konteks Pendidikan Islam adalah kompleks dan saling berkaitan. Kajian oleh Nur Adibah Liyana Awi (2021) menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang memiliki pengetahuan pedagogi yang mendalam lebih cenderung untuk mengamalkan pendekatan pengajaran yang kreatif dan inovatif. Ini disokong oleh dapatan Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi et al. (2020) yang mendapati korelasi positif antara tahap pengetahuan pedagogi guru dengan keupayaan mereka untuk mereka bentuk aktiviti pembelajaran yang kreatif dan interaktif. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) pula menegaskan bahawa pengetahuan pedagogi yang kukuh membolehkan guru Pendidikan Islam untuk mengadaptasi kaedah pengajaran mereka dengan lebih fleksibel, satu ciri penting dalam pengajaran kreatif. Walau bagaimanapun, Nur Ilda Kamaruzaman dan Aliza Alias (2020) mengingatkan bahawa pengetahuan pedagogi sahaja tidak mencukupi; guru perlu mempunyai sikap terbuka dan kesediaan untuk mencuba pendekatan baharu. Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019) menambah bahawa hubungan ini juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti pengalaman mengajar, sokongan pentadbiran, dan akses kepada sumber pengajaran. Kesimpulannya, walaupun pengetahuan pedagogi membentuk asas penting untuk penyampaian pengajaran kreatif, keberkesanannya bergantung kepada keupayaan guru untuk mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam konteks yang dinamik dan mencabar dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) menyediakan kerangka komprehensif untuk memahami keperluan pengetahuan guru dalam era digital, dengan pengetahuan pedagogi membentuk salah satu komponen utamanya. Menurut Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019), dalam konteks Pendidikan Islam, pengetahuan pedagogi dalam model PTPK melibatkan kefahaman mendalam tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, termasuk strategi penyampaian, pengurusan kelas, dan penilaian. Nur Adibah Liyana Awi (2021) menekankan bahawa pengetahuan pedagogi dalam PTPK bukan sekadar tentang teknik mengajar, tetapi juga meliputi kefahaman tentang cara murid belajar dan bagaimana menyesuaikan pengajaran dengan keperluan individu. Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) menambah bahawa dalam era digital, pengetahuan pedagogi perlu diintegrasikan dengan pengetahuan teknologi untuk menghasilkan pengajaran yang lebih dinamik dan interaktif. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) pula menegaskan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam memastikan penggunaan teknologi dalam Pendidikan Islam adalah bermakna dan berkesan, bukan sekadar alat tanpa tujuan pedagogik yang jelas. Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin dan Hafizhah Zulkifli (2021) mengingatkan bahawa walaupun model PTPK menekankan integrasi teknologi, asas pedagogi yang kukuh tetap menjadi teras kepada keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam. Kesemua perspektif ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi dalam model PTPK adalah penting dalam membentuk guru Pendidikan Islam yang kompeten dan efektif dalam era pembelajaran digital.

Model amalan kreativiti pengajaran yang diperkenalkan oleh Rommel Mahmoud Alali (2020) menyediakan kerangka komprehensif yang amat signifikan dalam konteks Pendidikan Islam kontemporari. Kerangka ini merangkumi pelbagai aspek penting, termasuk penekanan terhadap fleksibiliti dan inovasi dalam penyampaian pengajaran, serta galakan untuk mereka bentuk aktiviti pembelajaran yang mencabar pemikiran murid dan menggalakkan penyelesaian masalah secara kreatif. Penggunaan pelbagai media dan teknologi dalam pengajaran turut ditekankan, membolehkan penyampaian Pendidikan Islam menjadi lebih menarik dan relevan kepada generasi digital. Model ini juga menggalakkan adaptasi kaedah pengajaran berdasarkan maklum balas dan keperluan murid, serta refleksi berterusan untuk penambahbaikan amalan pengajaran. Kesemua elemen ini membentuk satu rangka kerja yang holistik dan berkesan untuk meningkatkan kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam, sekali gus mempertingkatkan kefahaman murid terhadap konsep-konsep Islam yang kompleks dan menyokong perkembangan profesional guru dalam bidang ini.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai pengetahuan pedagogi dan pengajaran kreatif dalam pendidikan secara umum, masih terdapat jurang yang ketara dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia. Menurut Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019), kebanyakan kajian sedia ada lebih tertumpu kepada aspek kandungan Pendidikan Islam, dengan kurang penekanan terhadap pedagogi dan kreativiti dalam pengajaran. Nur Adibah Liyana Awi (2021) mengenal pasti kekurangan kajian empirikal yang mengkaji secara khusus hubungan antara pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dengan tahap kreativiti dalam pengajaran mereka. Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) pula menyoroti kekurangan penyelidikan tentang peranan guru Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran kreatif mereka. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) menambah bahawa kebanyakan kajian sedia ada tidak mengambil kira konteks sosio-budaya Malaysia dalam mengkaji kreativiti pengajaran Pendidikan Islam. Chew Le Yee dan Suziyani Mohamed (2021) menegaskan perlunya kajian *longitudinal* untuk memahami perkembangan pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam sepanjang kerjaya mereka. Kesemua jurang ini menunjukkan keperluan untuk kajian yang lebih mendalam dan komprehensif mengenai hubungan antara pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia, yang boleh menyumbang kepada pembangunan model pedagogi yang lebih berkesan dan sesuai dengan keperluan semasa.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan keratan rentas untuk mengkaji pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia. Pemilihan reka bentuk ini adalah selaras dengan saranan Creswell dan Creswell (2018) yang menekankan kesesuaian kaedah kuantitatif untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah. Populasi kajian terdiri daripada 615 guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah harian di negeri Sabah, dengan 266 sampel dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata berdasarkan zon geografi. Saiz sampel ditentukan menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970), seperti yang disarankan oleh Taherdoost (2017) untuk memastikan keterwakilan yang mencukupi. Instrumen kajian terdiri daripada dua soal selidik: Soal Selidik Pengetahuan Pedagogi yang diadaptasi daripada kajian Shukri Ismail (2016), dan Soal Selidik Penyampaian Pengajaran Kreatif yang dibangunkan berdasarkan model amalan kreativiti pengajaran Rommel Mahmoud Alali (2020). Kedua-dua instrumen menggunakan skala Likert 5 mata, selaras dengan cadangan Joshi et al. (2015) untuk mengukur persepsi dan amalan guru dengan lebih tepat.

Analisis data melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS versi 26. Statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, dan peratusan digunakan untuk menggambarkan tahap pengetahuan pedagogi dan amalan pengajaran kreatif guru, manakala analisis regresi berganda digunakan

untuk menentukan pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif, selaras dengan cadangan Hair et al. (2019) untuk mendapatkan gambaran komprehensif tentang hubungan antara pemboleh ubah kajian. Kesahan kandungan dan muka instrumen ditentukan melalui penilaian pakar dalam bidang Pendidikan Islam, mengikut saranan Zamanzadeh et al. (2015). Kesahan konstruk pula ditentukan melalui analisis faktor penerokaan (EFA) dan pengesahan (CFA), seperti yang dicadangkan oleh Byrne (2016) untuk memastikan ketepatan pengukuran konstruk. Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan analisis *Alpha Cronbach*, dengan nilai *alpha* melebihi 0.70 dianggap mencukupi berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh Taber (2018).

Jadual 1

Ringkasan Metodologi Kajian

Aspek Metodologi	Keterangan
Reka Bentuk Kajian	Kuantitatif, tinjauan keratan rentas
Populasi	Guru Pendidikan Islam sekolah menengah harian di Malaysia
Pensampelan	Rawak berstrata berdasarkan zon geografi
Saiz Sampel	Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970)
Instrumen Kajian	1. Soal Selidik Pengetahuan Pedagogi (adaptasi dari Nur Adibah Liyana Awi, 2021) 2. Soal Selidik Penyampaian Pengajaran Kreatif (berdasarkan model Rommel Mahmoud Alali, 2020)
Skala Pengukuran	Skala Likert 5 mata
Prosedur Pengumpulan Data	Soal selidik dalam talian menggunakan <i>Google Forms</i>
Analisis Data	Statistik deskriptif (min, sisihan piawai, peratusan) Statistik inferensi (analisis regresi berganda)
Perisian Analisis	SPSS versi 26
Kesahan Kandungan & Muka	Penilaian pakar bidang Pendidikan Islam dan metodologi penyelidikan
Kesahan Konstruk	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) dan Pengesahan (CFA)
Kebolehpercayaan	Analisis Alpha Cronbach (nilai $\alpha > 0.70$ dianggap mencukupi)

Dapatan Kajian

Tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam

Analisis deskriptif mengenai tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Secara keseluruhan, guru-guru Pendidikan Islam yang terlibat dalam kajian ini mempamerkan tahap pengetahuan pedagogi yang tinggi, dengan skor min keseluruhan sebanyak 4.21 (SP = 0.63) pada skala 5 mata. Aspek pengetahuan pedagogi yang mencatatkan skor tertinggi ialah "Kefahaman tentang strategi pengajaran yang sesuai bagi setiap topik" (M = 4.50, SP = 0.50), diikuti oleh "Kemahiran menilai tahap kefahaman murid" (M = 4.37, SP = 0.52). Ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam mempunyai asas yang kukuh dalam memilih pendekatan pengajaran yang berkesan dan menilai pencapaian murid. Walau bagaimanapun, aspek "Pengurusan kelas yang efektif" mencatatkan skor yang agak rendah berbanding aspek lain (M = 4.00, SP = 0.71), menandakan ruang untuk penambahbaikan dalam bidang ini. Jadual 2 di bawah memaparkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap aspek pengetahuan pedagogi yang dikaji.

Jadual 2

Tahap Pengetahuan Pedagogi Guru Pendidikan Islam

Aspek Pengetahuan Pedagogi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Strategi pengajaran yang sesuai	4.50	0.50	Tinggi
Kemahiran menilai kefahaman murid	4.37	0.52	Tinggi
Penetapan hasil pembelajaran	4.27	0.66	Tinggi
Penguasaan kurikulum	4.13	0.70	Tinggi
Pengurusan kelas yang efektif	4.00	0.71	Tinggi
Keseluruhan	4.21	0.63	Tinggi

Tahap penyampaian pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam

Analisis terhadap tahap penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam menunjukkan hasil yang positif. Secara keseluruhan, guru-guru menunjukkan tahap kreativiti pengajaran yang tinggi dengan

skor min keseluruhan sebanyak 4.35 (SP = 0.55). Aspek kreativiti pengajaran yang mencatatkan skor tertinggi ialah "Penggunaan laras bahasa yang mudah difahami" (M = 4.50, SP = 0.59), diikuti oleh "Pengaitan topik pembelajaran dengan nilai agama dan kemasyarakatan" (M = 4.45, SP = 0.58). Ini menggambarkan keupayaan guru untuk menyampaikan konsep-konsep Pendidikan Islam dengan cara yang mudah difahami dan relevan kepada kehidupan murid. Walau bagaimanapun, aspek "Penggunaan pelbagai medium pembelajaran" mencatatkan skor yang agak rendah berbanding aspek lain (M = 4.24, SP = 0.45), menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kepelbagaian dalam penggunaan bahan dan kaedah pengajaran. Jadual 3 di bawah memaparkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap aspek penyampaian pengajaran kreatif yang dikaji.

Jadual 3

Tahap Penyampaian Pengajaran Kreatif Guru Pendidikan Islam

Aspek Penyampaian Pengajaran Kreatif	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Penggunaan laras bahasa yang mudah difahami	4.50	0.59	Tinggi
Pengaitan topik dengan nilai agama dan kemasyarakatan	4.45	0.58	Tinggi
Analisis masalah dari pelbagai sudut	4.40	0.51	Tinggi
Mengalakkan pencarian maklumat tambahan	4.27	0.56	Tinggi
Penggunaan pelbagai medium pembelajaran	4.24	0.45	Tinggi
Keseluruhan	4.35	0.55	Tinggi

Pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif

Analisis regresi berganda dijalankan untuk menentukan pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Hasil analisis menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan ($F(5, 260) = 45.23, p < .001$), dengan pengetahuan pedagogi menerangkan 46.5% daripada varians dalam penyampaian pengajaran kreatif ($R^2 = .465$). Ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam. Analisis terperinci menunjukkan bahawa semua aspek pengetahuan pedagogi yang dikaji mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyampaian pengajaran kreatif, dengan "Strategi pengajaran yang sesuai" mempunyai pengaruh yang paling kuat ($\beta = .386, p < .001$), diikuti oleh "Kemahiran menilai kefahaman murid" ($\beta = .274, p < .001$). Aspek "Pengurusan kelas yang efektif" menunjukkan pengaruh yang paling rendah, walaupun masih signifikan ($\beta = .132, p < .05$). Dapatan ini mengesahkan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam mempengaruhi kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam. Jadual 4 di bawah meringkaskan hasil analisis regresi berganda.

Jadual 4

Analisis Regresi Berganda Pengaruh Pengetahuan Pedagogi terhadap Penyampaian Pengajaran Kreatif

Pemboleh Ubah	B	SE B	β	t	p
Pemalar	1.234	.185		6.670	.000
Strategi pengajaran yang sesuai	.386	.072	.386	5.361	.000
Kemahiran menilai kefahaman murid	.274	.064	.274	4.281	.000
Penetapan hasil pembelajaran	.201	.053	.201	3.792	.000
Penguasaan kurikulum	.158	.048	.158	3.292	.001
Pengurusan kelas yang efektif	.132	.056	.132	2.357	.019

$R^2 = .465, F(5, 260) = 45.23, p < .001$

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam di Malaysia memiliki tahap pengetahuan pedagogi dan penyampaian pengajaran kreatif yang tinggi sekali gus menggambarkan komitmen mereka terhadap kecemerlangan dalam profesion perguruan. Tahap pengetahuan pedagogi yang tinggi, terutamanya dalam aspek strategi pengajaran dan penilaian kefahaman murid, menunjukkan keberkesanan program latihan guru dan pembangunan profesional berterusan seperti yang ditekankan oleh Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019). Walau bagaimanapun, skor yang agak rendah dalam aspek pengurusan kelas menunjukkan keperluan untuk memberi perhatian lebih kepada kemahiran ini dalam latihan guru, selaras dengan cadangan Nur Adibah Liyana Awi (2021) untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bilik darjah. Tahap penyampaian pengajaran kreatif yang tinggi, terutamanya dalam penggunaan bahasa yang mudah difahami dan pengaitan topik dengan nilai agama, menggambarkan keupayaan guru untuk menjadikan Pendidikan Islam lebih relevan dan bermakna kepada murid, seperti yang disarankan oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020). Namun, skor yang lebih

rendah dalam penggunaan pelbagai medium pembelajaran menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kemahiran teknologi guru, selaras dengan pemerhatian Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) tentang pentingnya integrasi teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Jamaliah Abidin dan Hafizhah Zulkifli (2021) menegaskan bahawa keseimbangan antara pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran adalah penting untuk memastikan keberkesanan pembelajaran Pendidikan Islam dalam era digital ini.

Kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi mempunyai pengaruh yang signifikan penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini menyokong model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) yang dikemukakan oleh Mishra dan Koehler (2006) dengan pengetahuan pedagogi merupakan komponen asas dalam membentuk pengajaran yang berkesan. Pengaruh kuat strategi pengajaran yang sesuai terhadap kreativiti pengajaran mengesahkan pandangan Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019) bahawa pemilihan kaedah pengajaran yang tepat adalah penting dalam merangsang kreativiti dalam bilik darjah Pendidikan Islam. Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian Nur Adibah Liyana Awi (2021) yang menekankan kepentingan penyesuaian strategi pengajaran dengan keperluan murid untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Kesan signifikan kemahiran menilai kefahaman murid terhadap pengajaran kreatif menyokong pandangan Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) tentang pentingnya penilaian formatif dalam membentuk pengajaran yang responsif dan kreatif. Walau bagaimanapun, pengaruh yang lebih rendah aspek pengurusan kelas terhadap kreativiti pengajaran menunjukkan keperluan untuk mengkaji semula hubungan ini, seperti yang dicadangkan oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) dalam kajian mereka tentang dinamik bilik darjah Pendidikan Islam. Niveetha Mookan et al. (2021) menegaskan bahawa dapatan kajian ini menyerlahkan kepentingan pendekatan holistik dalam meningkatkan kreativiti pengajaran, di mana semua aspek pengetahuan pedagogi perlu diberi perhatian seimbang.

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting terhadap teori dan amalan dalam bidang Pendidikan Islam. Dalam aspek teori, kajian ini menyokong dan mengembangkan Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK). Pengaruh pengetahuan pedagogi yang kuat terhadap kreativiti pengajaran menunjukkan bahawa model ini relevan dan boleh diaplikasikan dalam pendidikan agama, memperluaskan skop penggunaannya melampaui mata pelajaran yang lain. Dapatan kajian ini juga menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara komponen-komponen PTPK dalam konteks pengajaran agama, selaras dengan saranan Nur Adibah Liyana Awi (2021) untuk mengkaji interaksi antara pengetahuan pedagogi, teknologi, dan kandungan dalam Pendidikan Islam. Dalam aspek praktikal, kajian ini menunjukkan keperluan untuk memberi penekanan yang lebih kepada pembangunan pengetahuan pedagogi dalam program latihan guru Pendidikan Islam, seperti yang disarankan oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020). Khususnya, aspek pengurusan kelas dan penggunaan pelbagai medium pembelajaran perlu diberi perhatian lebih dalam latihan guru, selaras dengan cadangan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) untuk meningkatkan kemahiran praktikal guru dalam era digital. Halida Jawan dan Zamri Mahamod (2021) menegaskan bahawa dapatan kajian ini boleh digunakan untuk mereka bentuk program pembangunan profesional yang lebih berkesan, dengan fokus kepada peningkatan kreativiti pengajaran melalui penguasaan pengetahuan pedagogi yang mantap.

Dapatan kajian ini menunjukkan beberapa persamaan dan perbezaan dengan kajian-kajian terdahulu dalam bidang Pendidikan Islam. Tahap pengetahuan pedagogi yang tinggi dalam kalangan guru Pendidikan Islam adalah selari dengan dapatan kajian Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019), yang juga melaporkan tahap kompetensi pedagogi yang baik dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan skor yang lebih tinggi dalam aspek strategi pengajaran berbanding kajian mereka, menggambarkan kemungkinan peningkatan dalam latihan guru sejak itu. Tahap kreativiti pengajaran yang tinggi dalam kajian ini menyokong dapatan Nur Adibah Liyana Awi (2021), yang juga mendapati guru Pendidikan Islam berupaya mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang inovatif. Namun, kajian ini mengenal pasti kelemahan dalam penggunaan pelbagai medium pembelajaran, satu aspek yang tidak diberi penekanan dalam kajian Nur Adibah. Pengaruh kuat pengetahuan pedagogi terhadap kreativiti pengajaran adalah konsisten dengan dapatan kajian Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020), yang juga melaporkan hubungan positif antara kemahiran pedagogi dan inovasi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan pengaruh yang lebih kuat berbanding kajian mereka, mungkin disebabkan oleh perbezaan dalam instrumen pengukuran yang digunakan. Berbeza dengan kajian Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2020) yang mendapati pengaruh sederhana pengetahuan pedagogi terhadap keberkesanan pengajaran, kajian ini menunjukkan pengaruh yang lebih kuat, menggambarkan kemungkinan peningkatan dalam kesedaran tentang kepentingan pedagogi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Akhir sekali, dapatan kajian tentang keperluan meningkatkan kemahiran pengurusan kelas adalah selaras dengan cadangan Mohd Shafie Mohamad et al. (2021), yang juga menekankan aspek ini sebagai bidang yang memerlukan penambahbaikan dalam pendidikan guru Pendidikan Islam.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mengkaji pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap penyampaian pengajaran kreatif dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia. Dapatan utama menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memiliki tahap pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran yang tinggi, menggambarkan komitmen mereka terhadap kecemerlangan profesional. Analisis inferensi menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi mempunyai pengaruh yang signifikan dan substansial terhadap kreativiti pengajaran, dengan aspek strategi pengajaran dan kemahiran penilaian murid menunjukkan impak yang paling kuat. Walau bagaimanapun, aspek pengurusan kelas dan penggunaan pelbagai medium pembelajaran dikenal pasti sebagai bidang yang memerlukan penambahbaikan. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) dalam konteks Pendidikan Islam, menunjukkan kerelevanannya dalam pendidikan agama. Dari segi praktikal, dapatan kajian ini memberi implikasi penting terhadap reka bentuk program latihan guru dan pembangunan profesional, menekankan keperluan untuk memberi tumpuan lebih kepada aspek pedagogi yang penting dalam meningkatkan kreativiti pengajaran. Sumbangan utama kajian ini terletak pada penyediaan bukti empirikal tentang hubungan antara pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia, mengisi jurang dalam literatur sedia ada.

Walaupun kajian ini telah mencapai objektifnya, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira. Pertama, kajian ini bergantung pada laporan sendiri guru, yang mungkin dipengaruhi oleh bias sosial. Kedua, reka bentuk keratan rentas yang digunakan tidak membolehkan inferens kausal dibuat. Ketiga, fokus kajian yang terhad kepada guru Pendidikan Islam di sekolah menengah mungkin menghadkan generalisasi dapatan kepada konteks pendidikan lain. Berdasarkan batasan ini dan dapatan kajian, beberapa cadangan untuk penyelidikan masa depan boleh dikemukakan. Pertama, kajian *longitudinal* boleh dijalankan untuk memahami perkembangan pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran guru sepanjang masa. Kedua, penggunaan kaedah campuran yang menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang fenomena yang dikaji. Ketiga, kajian perbandingan antara guru Pendidikan Islam dan guru mata pelajaran lain boleh memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang keunikan pedagogi dalam pendidikan agama. Keempat, penyelidikan masa depan boleh mengkaji faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi hubungan antara pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran, seperti faktor persekitaran sekolah atau ciri-ciri peribadi guru. Akhir sekali, kajian intervensi boleh dijalankan untuk menguji keberkesanan program latihan yang direka khusus untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi dan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam.

Rujukan

- Byrne, B. M. (2016). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming* (3rd ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315757421>
- Chew, L. Y., & Suziyani Mohamed. (2021). Kemahiran guru dalam mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran di prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 44-53.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications. <https://us.sagepub.com/en-us/nam/research-design/book255675>
- Fatin Nur Fatimah Ishak, & Mohd Isa Hamzah. (2019). Pelaksanaan teknologi augmented realiti dalam pengajaran pendidikan Islam: Potensi dan cabaran. Dalam *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology for IR 4.0"*, hlm. 867-875.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate data analysis* (8th ed.). Cengage Learning. <https://www.cengage.com/c/multivariate-data-analysis-8e-hair/9781473756540/>
- Halida Jawan, & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77.
- Jamaliah Abidin, & Hafizhah Zulkifli. (2021, September 14). Keberkesanan aplikasi teknik One Stay Three Stray dalam pembelajaran bidang Sirah pendidikan Islam. In *Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2021 Webinar* (pp. 143-160). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joshi, A., Kale, S., Chandel, S., & Pal, D. K. (2015). Likert scale: Explored and explained. *British Journal of Applied Science & Technology*, 7(4), 396-403. <https://doi.org/10.9734/BJAST/2015/14975>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mardziah Abdullah, Mariani Md Nor, & Fonny Dameaty Hutagalung. (2021). Pendekatan pengajaran bermain di bilik darjah dalam kalangan guru prasekolah. *Journal of Educational Research*, 39(2009), 64-74.
- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017-1054. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9620.2006.00684.x>

- Mohammad Rusdi Ab Majid, & Zawawi Ismail. (2017). Kreativiti pengajaran guru bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(4), 27–38.
- Mohd Shafie Mohamad, Rozita Radhiah Said, Azhar Md. Sabil, & Mohd Mursyid Arshad. (2021). Teaching procedures for summary of upper secondary among untrained teachers (GSTT) in Maahad Kawalan, Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 168–187. <https://doi.org/10.35631/ijepc.642014>
- Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin, & Hafizhah Zulkifli. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang Jawi dalam kalangan guru pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 56–72.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Azmil Hashim, & Norhisham Muhamad. (2020). Integrasi penggunaan teknologi pelbagai media oleh guru pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. *Journal of Social Sciences and Technical Education*, 1(1), 73–88.
- Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad, & Norasmah Othman. (2021). Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpdp>
- Noor Muslieh Mustafah Kamal, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Elemen kolaborasi dalam pengajaran guru pendidikan Islam melalui pendekatan heuristik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 372-386. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpdp>
- Noraziah Mhd Yusop, Mohd Aderi Che Noh, & Khadijah Abdul Razak. (2019). Pendekatan sistematik pembelajaran aktif dalam amalan pengajaran sirih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Is, 134–146.
- Nur Adibah Liyana Awi, & Hafizhah Zulkifli. (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 40–54.
- Nur Hanani Hussin, & Ab. Halim Tamuri. (2017). Faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 5(2), 20–28.
- Nur Ilda Kamaruzaman, & Aliza Alias. (2020). Hubungan antara pengetahuan dengan sikap guru sekolah kebangsaan pendidikan khas terhadap pembelajaran kolaboratif. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 1(1), 1-11.
- Nurul Eeffah Awang. (2016). Pembentukan akhlak menurut al-Ghazali dalam sistem pendidikan kini. In *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11*, 15–16 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor (pp. 613–626).
- Rommel Mahmoud Alali. (2020). Developing a scale for creative teaching practices of faculty members at King Faisal University. *Universal Journal of Educational Research*, 8(5), 2129–2142. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080552>
- Shukri Ismail. (2016). *Persepsi terhadap pengetahuan teknologikal pedagogi isi kandungan dalam kalangan guru sains sekolah rendah Kelantan* [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia].
- Syuhaidah Sulaiman, & Mohd Isa Hamzah. (2019). Penggunaan ICT dalam kalangan guru pendidikan Islam di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Dalam *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology for IR 4.0"* (hlm. 195–203). Institut Seni Indonesia, Padang Panjang.
- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296. <https://doi.org/10.1007/s11165-016-9602-2>
- Taherdoost, H. (2017). Determining sample size; How to calculate survey sample size. *International Journal of Economics and Management Systems*, 2, 237-239. <https://ssrn.com/abstract=3224205>
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Nur Atikah Miasan, & Yusmini Md. Yusoff. (2020). Cabaran pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru novis pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Counseling*, 5(37), 206–220. <https://doi.org/10.35631/IJEP.5370017>
- Zamanzadeh, V., Ghahramanian, A., Rassouli, M., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H., & Nikanfar, A. R. (2015). Design and implementation content validity study: Development of an instrument for measuring patient-centered communication. *Journal of Caring Sciences*, 4(2), 165-178. <https://doi.org/10.15171/jcs.2015.017>